

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
CIKGU NAWI BIN ISMAIL
TOKOH GURU KEBANGSAAN

OLEH:

NOR HASLINA BINTI YASIN	2019455474
ZURAINI BINTI ROSLI	2018683054

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2020 – JAN 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



“Dengan nama Allah S.W.T, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang.”

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kertas kerja ini telah berjaya disiapkan meskipun telah menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Puan Annisa, selaku pensyarah kami yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Segala bantuan, strategi, dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi seorang penyelidik dan bakal graduan yang berketerampilan.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga tercinta yang tidak pernah jemu memberikan nasihat, titipan-titipan doa, peringatan, sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh kami menyediakan kertas kerja ini. Teristimewa juga buat Encik Nawi Bin Ismail yang merupakan tokoh guru kebangsaan kerana sudi meluangkan masa bagi menjayakan kerja kursus ini. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat kami sanjungi dan akan kami ingati sepanjang hayat ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1-4
Bahagian 2: Sejarah pendidikan.....	4-7
Bahagian 3: Sejarah/pengalaman di dalam bidang pendidikan	7-10
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	11-12
Bahagian 5: Kemudahan kolej dan universiti yang digunakan sepanjang menuntut ilmu	12-13
Bahagian 6: Pengalaman kerjaya.....	13-15
Bahagian 7: Anugerah Kerjaya dan penghargaan.....	16-18
Bahagian 8: Sumbangan dan Harapan.....	18-21
Rujukan.....	22
Lampiran	
Log Wawancara.....	23-24
Diari Kajian.....	25-28
Senarai soalan.....	29-35
Surat Perjanjian.....	36
Surat Surat pengesahan Project Pelajar.....	37
Indeks.....	38

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama Cikgu Nawī Ismail, yang berasal dari Terengganu dan pernah berkhidmat sebagai pendidik selama 37 tahun. Beliau pernah menerima anugerah Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2019 daripada YAB Tun Dr Mahathir Mohamad. Anugerah tersebut disampaikan pada majlis perasmian sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2019 yang berlangsung di SPICE Arena, Pulau Pinang. Cikgu Nawī Ismail merupakan seorang pendidik yang aktif dalam bidang kurikulum, kokurikulum dan komuniti setempat. Beliau juga pernah menjadi panel dalam pembinaan Modul PdP Bahasa Melayu STPM, Modul Pembangunan Projek PJKR Miros, Pakar Perunding Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Jurulatih Utama Sistem Pentaksir Baharu STPM Bahasa Melayu dan AJK Kawalan Mutu Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1 hingga 3. Beliau juga banyak menghasilkan buku bagi meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran Bahasa Melayu.

Kata kunci: *pendidik, pendidikan, guru, Bahasa Melayu, murid*

Abstract: This interview was conducted with Cikgu Nawī bin Ismail who is from Terengganu and has served as an educator for 37 years. He received the Tokoh Guru Kebangsaan Award in 2019 from YAB Tun Dr Mahathir Mohamad. The award was presented at the opening ceremony of the National Teachers' Day 2019 celebration which took place at SPICE Arena, Pulau Pinang. Cikgu Nawī Ismail is an educator who is actively involved in the field of curriculum, co-curriculum and local community. He was also a panel in PdP Malay Language module development, Module Development Miros PJKR Project, Subject consultant in Malay Language, main instructor in the new appraisal system of Malay Language for STPM and a committee member of quality control in Malay Language textbook for form 1 until form 3. He also wrote a lot of books to increase the domination of students to Malay Language.

Kata kunci: *educator, education, Malay Language, students*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Nawi bin Ismail
Tarikh lahir	29 Julai 1957
Tempat lahir	Kuala Terengganu
Jantina	Lelaki
Bangsa	Melayu
No.telefon	019-9369296
Email	-
Maktab	Maktab Perguruan
Kelulusan Akedemik	-

PENGENALAN

PENGENALAN

Pendidikan merupakan salah satu hal yang penting yang perlu dititikberatkan dalam setiap lapisan masyarakat. Pendidikan akan menentukan hala tuju kemajuan seseorang, masyarakat dan negara. Pendidikan merupakan proses dimana pengetahuan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya melalui pengajaran, penelitian dan pelatihan. Ia adalah usaha secara sistematis dalam mewujudkan suasana belajar dan mengajar supaya para pelajar dan juga para pendidik dalam menambah ilmu pengetahuannya. Dengan ilmu pengetahuan yang diperoleh, ia akan membentuk kecerdasan, akhlak mulia, keperibadian yang baik serta kekuatan rohani dan jasmani.

Kajian ini dilakukan bersama Cikgu Nawi bin Ismail kerana beliau mempunyai pengalaman dalam mengajar selama 37 tahun. Beliau memulakan kerjayanya dalam mengajar sejak dari beliau tamat pelajaran sehingga beliau bersara. Tambahan pula, beliau pernah menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2019 dan juga Anugerah Tokoh Guru Peringkat Negeri Terengganu pada tahun 2018. Semangatnya dalam menjadi pendidik juga begitu kuat sehingga beliau sanggup menolak tawaran untuk menjadi pensyarah di sebuah institut pengajian awam tempatan. Selain itu, semasa beliau telah pencen dalam menjadi pendidik, beliau tidak mensia-siakannya apabila beliau tetap aktif membantu guru-guru lain yang mengajar Bahasa Melayu dengan memberikan kursus. Beliau masih meneruskan misi pendidik agar dapat melahirkan pelajar yang cemerlang. Guru-guru lain dibantu dengan modul yang ditulis oleh beliau. Walaupun sudah pencen, beliau juga banyak menghasilkan buku-buku yang dapat digunakan sebagai rujukan dalam mengajar dan belajar.

Hasil temubual daripada Cikgu Nawi juga memberi banyak pengetahuan tentang betapa pentingnya pendidikan dan cara mendidik itu juga penting dalam memastikan kejayaan pelajar.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Topik: Soalan temubual antara tokoh Guru Kebangsaan Cikgu Nawi Ismail

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Cikgu Nawi bin Ismail penerima Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2019 dan dinobatkan Tokoh Guru Peringkat Negeri Terengganu pada tahun 2018. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 14 Januari 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 4 petang. Temubual ini di kendalikan oleh Nor Haslina dan Zuraini. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk: CNI: Cikgu Nawi Ismail NH: Nor Haslina Binti Yasin Z : Zuraini Binti Rosli

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

NH : Assalamualaikum, Tuan?

CNI : Waalaikumussalam.

NH : Boleh tuan nyatakan nama penuh tuan?

CNI : Nama penuh saya Nawi Bin Ismail.

NH : Kalau boleh saya tahu, tuan berasal dari mana?

CNI : Saya berasal dari Kuala Terengganu.

NH : Apakah tuan mempunyai nama gelaran?

CNI : Gelaran tak ada, tapi haji ada lah... Cikgu Haji Nawawi Ismail [sambil tersenyum].

Z : Boleh kami tahu berapa umur tuan sekarang?

CNI : 63 tahun.

NH : Boleh kami tahu, bilakah tarikh lahir tuan?

CNI : Tarikh lahir saya 29 Julai 1957.

NH : Dimanakah tempat tuan dilahirkan?

CNI : Di Kuala Terengganu.

Z : Dimanakah tuan tinggal sekarang?

CNI : Saya tinggal di Kuala Terengganu.

Z : Sebelum ini dimanakah tempat lain yang pernah tuan tinggal?

CNI : Tidak ada. Semasa belajar *je* saya pernah tinggal di Serdang selama 2 tahun setengah.

NH : Boleh kami tahu apakah status tuan sekarang?

CNI : [Sedang berfikir] Saya sudah bersara.

Z : Boleh tuan kongsi pada kami pada usia berapakah tuan mula mengajar?

CNI : Saya mula mengajar pada umur 23 tahun setengah.

NH : Boleh kami tahu sebelum ini tuan pernah belajar dimana?

CNI : Maksudnya dari peringkat tinggi ataupun rendah? Mula-mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kampung Gemuroh dari darjah satu sampai darjah 6 iaitu pada tahun 1964-1969, 1970-1974 Sekolah Menengah Kebangsaan KYDK sampai SPM *lepastu* 1995-1996 saya masuk tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin. Sepanjang menunggu *result* tingkatan enam saya bekerja sebagai kerani pada masa tersebut lebih kurang 8 bulan selepas itu pada tahun 1978 saya masuk Maktab Penguruan Bahasa selama 2 tahun selepas itu pada tahun 1980-1985 saya mengajar di Sekolah Menengah Panji Alam Kuala Terengganu. Selepas itu 1986-1989 saya masuk UPM Serdang, selepas itu saya ditempatkan di sekolah politeknik.

NH : Apakah aktiviti yang tuan suka lakukan apabila di waktu lapang?

CNI : Saya banyak mengisi masa lapang saya dengan menulis dan membaca.

NH : Kalau boleh kami tahu pada usia berapakah tuan berkahwin?

CNI : Saya berkahwin pada usia 25 tahun setengah [sambil ketawa].

NH : Boleh kami tahu tuan mempunyai berapakah bilangan cahaya mata?

CNI : Tiga... satu [sedang mengira] perempuan dua *laki- laki*.

NH : Boleh tuan kongsikan nama pasangan dan anak-anak?

CNI : Nama isteri saya Kariani binti Ismail, anak yang pertama Izawati Adil binti Nawi, yang kedua Mohd Hazmi Fahmin bin Nawi dan yang ketiga Mohd Hazmi bin Nawi [sambil tersenyum].

Z : Siapakah idola tuan? Apakah sebab memilih beliau?

CNI : Sebenarnya dulu saya tidak mempunyai idola, tapi pada suatu hari dulu saya pernah nampak seorang guru dengan berpakaian kemas kemudian cara bercakap pun bagus dan selalu orang akan merujuk dia dengan melihat cara beliau, saya berasa kagum.

BAHAGIAN 2:SEJARAH PENDIDIKAN

NH : Di manakah tuan menerima pendidikan awal kanak-kanak?

CNI : Saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kampung Gemuroh.

Z : Boleh tuan ceritakan pada tahun berapa tuan bersekolah rendah?

CNI : Mula-mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kampung Gemuroh dari darjah satu sampai darjah 6 iaitu pada tahun 1964-1969.

NH : Pada tahun berapa tuan mula memasuki sekolah menengah? Adakah sekolah tuan berhampiran dengan rumah atau pun tuan tinggal di asrama?

CNI : 1970-1974 Sekolah Menengah Kebangsaan KYDK sampai SPM *lepas* 1995-1996 saya masuk tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin.

NH : Boleh tuan ceritakan di manakah tuan penyambung pengajian setelah tamat persekolahan?

CNI : Pada 1995-1996 saya masuk tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin. Pada tahun 1978 saya masuk Maktab Penguruan Bahasa di Kuala Lumpur selama 2 tahun selepas situ pada tahun 1980-1985 saya mengajar di Sekolah Menengah Panji Alam Kuala Terengganu. Selepas itu 1986-1989 saya masuk UPM Serdang.

Z : Apakah kursus pilihan tuan ketika itu? Dan adakah tuan menyambung pengajian dengan kursus yang dipilih atau menerima tawaran kursus selain daripada pilihan tuan?

CNI : Pada masa tersebut skop untuk memilih kursus adalah terhad dan pada masa itu juga saya hanya berminat pada bidang perguruan sahaja.

Z : Berapa tahunkah masa yang diambil untuk menghabiskan pengajian tuan dengan kursus yang diambil

CNI : Lebih kurang 4 tahun selepas itu saya sambung master di UPM Serdang dalam bidang pendidikan.

Z : Adakah tuan pernah melibatkan diri dengan kursus-kursus profesional lain semasa berada di universiti atau pun selepas tamat pengajian?

CNI : Saya dari bidang pendidikan jadi agak sibuk kalau ada *group group* macam tu saya akan *join* juga lah.

BAHAGIAN 3: SEJARAH/ PENGALAMAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN

NH : Bagai manakah tuan mula menceburi bidang pendidikan? Adakah kerana minat?

CNI : Seperti yang saya kongsikan tadi saya terpengaruh dengan seorang guru di kampung saya, saya tertarik dengan cara dia apa yang dia miliki pada masa tersebut.

Z : Apa yang menyebabkan tuan membuat keputusan untuk menjadi seorang pendidik?

CNI : Minat saya masa itu sangat mendalam dalam bidang perguruan.

NH : Adakah tuan mempunyaaai pengalaman pembelajaran di ITM/UiTM?

CNI : Pengalaman belajar di UiTM saya tiada tapi saya mempunyai pengalaman belajar di UPM Serdang.

**NH : Boleh tuan ceritakan bagaimana suasana pembelajaran pada masa tersebut?
(Bangunan dan kemudahan ketika itu)**

CNI : Kalau semasa peringkat awal dan menengah masa itu kami dari Kuala Terengganu Ini kurang sangat dari segi kemudahan kebanyakannya adalah tak lengkap, bahan bacaan pun kurang dan pada masa tersebut kami perlu usaha sendiri,dengan cara buku pun pinjam dengan kawan, pada masa universiti agak baik sedikit lah pada masa itu dah

mula ada kemudahan seperti komputer tapi banyak *assignment* pada masa itu pakai pen sahaja.

NH : Adakah terdapatnya kemudahan seperti (Kantin, gerai, kafe, makmal, perpustakaan, rekreasi)

CNI : Dekat mana-mana sekolah dan universiti pun ada kemudahan tersebut.

Z : Adakah tuan mendapat kemudahan penempatan semasa menjalani pengajian di sana? (seperti kolej ataupun tuan penempatan di asrama)

CNI : Saya *duk* di rumah sewa, pada masa tersebut sepanjang saya belajar di Serdang.

NH : Adakah tuan masih ingat siapakah ketua kajian pada masa itu?

CNI : Saya masih ingat guru-guru itu saya tak lupa iaitu Profesor Dr Mohd Hamid Mahmud, Profesor Madya, Encik Mahar Kadir , puan Sarimah dan banyak lagi *lah*

NH : Adakah tuan masih ingat siapakah kawan rapat tuan semasa tuan menuntut ilmu di situ?

CNI : *Iya*, ingat sampai sekarang pun masih rapat Azhar, Zaid, Hasan dan Muhakar.

NH : Adakah tuan masih ingat siapakah staf pentadbiran pada masa tersebut?

CNI : Rasa pada masa itu Profesor Dr Mohd Hamid Mahmud.

Z : Kalau boleh saya tahu apakah persepsi rakan-rakan dan keluarga apabila tuan memilih untuk menjadi seorang pendidik?

CNI : Pada masa itu keluarga saya memang tak membantah langsung *lah* sebab pada Mereka pangkat seorang guru itu sudah besar, tapi saya rasa semua orang suka kan bila dapat menjadi guru.

Z : Keunikan kajian/fakulti/kursus. Apakah keunikan khusus pada masa tersebut yang mendorong tuan dalam bidang tersebut?

CNI : Bagi pendapat saya tak ada keunikan ia ikut kepada minat kalau kita minat sesuatu kita akan nampak benda tersebut sebagai sesuatu yang unit dan menarik.

NH : Apakah pengetahuan yang mendorong kejayaan tuan semasa di UPM atau di kampus?

CNI : Saya rasa pengetahuan dan kekuatan mental adalah sangat penting pada masa itu.

Z : Apakah tuan masih ingat bilangan kursus yang ditawarkan?

CNI : Saya kurang ingat apa kursus yang ada pada masa tersebut tapi yang pasti bilangan pilihan kursus pada masa tersebut adlah jauh lebih sedikit dan tidak terlalu banyak pilihan seperti sekarang.

Z : Apakah tuan masih ingat antara kursus-kursus yang pernah ditawarkan?

CNI : Saya tidak berapa ingat apa lagi kursus yang ditawarkan tapi yang saya fokus kan

pada masa tersebut ialah dari bidang perguruan.

Z : Antara kursus-kursus tersebut kursus yang manakah tuan rasa agak mencabar untuk diceburi?

CNI : Saya tidak pasti tentang itu selagi kita minat sesuatu perkara tersebut ia tidak akan menjadi kesulitan kepada kita.

NH :Apakah antara peristiwa yang tidak boleh dilupakan (mengenai kursus/subjek)?

CNI : Bagi saya tiada sebarang pengalaman seperti itu sebab dulu saya adalah pelajar yang patuh jadi perkara tersebut tidak pernah berlaku kepada saya.

Z : Hubungan industri ketika itu?

CNI : Hubungan industri saya rasa pada masa tersebut kurangnya penggunaan elektronik media seperti sekarang.

NH : Kursus/subjek apakah yang paling tuan suka?

CNI : Bagi saya semua subjek adalah sama.

BAHAGIAN 4:TENAGA PENGAJAR

NH : Boleh tuan nyatakan nama-nama mereka?

CNI : Saya masih ingat guru-guru itu saya tak lupa iaitu Profesor Dr Mohd Hamid Mahmud, Profesor Madya, Encik Mahar Kadir, puan Sarimah dan banyak lagi *lah*.

Z : Siapakah pensyarah yang menjadi kegemaran ketika itu? Kalau boleh saya tahu mengapa?

CNI : Bagi saya semua sama sahaja semua pensyarah pada masa itu baik baik.

NH : Sepanjang tuan menuntut di sana adakah tuan pernah mempunyai pensyarah yang mengerunkan?

CNI : Bagi pendapat saya *takde* pensyarah yang digeruni sebab dulu saya jenis yang ikut cakap dan tak pernah lagi lah kena marah dengan mereka.

NH : Boleh tuan nyatakan antara kaedah pengajaran dan pembelajaran pada masa tersebut?

CNI : Kaedah pengajaran masa dulu ialah kami banyak menggunakan teknik manual dan kami turut mempunyai peralatan elektronik tapi kemudahan tersebut adalah sangat terhad.

NH : Adakah terdapatnya kemudahan seperti kini semasa tuan belajar?

CNI : Tidak, terdapat banyak perbezaan antara masa dahulu dan sekarang bahan bacaan juga agak terhad pada masa tersebut.

Z : Kalau boleh saya tahu adakah terdapat banyak perbezaan sesi pembelajaran dari masa dulu dari kini?

CNI : Iya, banyak, seperti yang kita sedia maklum yang sesi pembelajaran zaman sekarang adalah lebih mudah dan terdapat banyak kemudahan tidak seperti dulu.

BAHAGIAN 5: KEMUDAHAN KOLEJ DAN UNIVERSITI YANG DIGUNAKAN SEPANJANG MENUNTUT ILMU

Z : Sepanjang menuntut di sana adakah tuan mendapat kemudahan kolej kediaman ataupun tuan menetap di rumah sewa?

CNI : Rumah sewa UPM *tu* (itu) saya contact dari luar sebab masa *tu* (itu) saya sudah beristeri, saya bawa isteri saya.

NH : Berapa yuran kolej atau asrama pada masa itu?

CNI : Saya ada pengalaman tinggal di kolej sekejap pada semester pertama. Memang kena bayar.

NH : Adakah pihak kolej atau asrama menyediakan makanan secara percuma pada masa tersebut?

CNI : Tempat tinggal dan makan *takde* yang percuma. Memang kena bayar.

NH : Apakah antara kemudahan yang terdapat di kolej atau asrama yang tuan diami semasa belajar?

CNI : Macam biasa lah, setiap kolej ada kafe. Ada dewan makan, dan tempat untuk pelajar belajar seperti pondok dan tempat duduk. Takde semasa saya belajar saya tinggal di rumah sewa.

NH : Adakah kemudahan kolej pada zaman tuan sama dengan sekarang?

CNI : Lebih kurang *je* (sahaja) saya rasa.

BAHAGIAN 6: PENGALAMAN KERJAYA

Z : Adakah terdapat kemudahan pendidikan seperti PTPTN pada masa tersebut?

CNI : Masa *tu* (itu) saya mengajar 4/ 5 tahun jadi saya dapat separuh gaji dalam lebih kurang 500 lebih masa di universiti. Jadi saya terpaksa berjimat guna duit itu *je* (sahaja) lah.

Z : Semasa tuan menuntut ilmu, adakah tuan aktif menyertai kelab atau mana-mana organisasi.

CNI : Memang di universiti dia ada satu kursus *tu* (itu), macam saya kursus PBMP pengajaran bahasa melayu utama, ada program lawatan, seminar. Kemudian aktiviti

kebajikan, kebudayaan. Masa *tu* (itu) memang aktif, saya melibatkan diri untuk mencari pengalaman.

Z : Kerjaya pertama yang setelah tamat pengajian?

CNI : Saya belajar di maktab perguruan. Jadi, selepas tamat *tu* (itu) saya terus dihantar untuk mengajar.

Z : Selepas selesainya, pengajian adakah tuan menjalani sesi praktikal?

CNI : Di maktab perguruan kita ada membuat praktikal. Saya praktikal di Kuala Lumpur. Tapi masa *tu* (itu) saya praktikal di sekolah rendah. Semasa di universiti pun, ada praktikal masa semester 5 dan semester 7. Saya praktikal di Terengganu dan Kuantan, Pahang.

Z : Bagaimana mendapat pekerjaan tersebut?

CNI : Seperti yang saya beritahu tadi, saya belajar di maktab perguruan. Jadi, memang saya akan dihantar untuk terus mengajar di sekolah-sekolah.

NH : Bagaimana boleh menceburkan diri dalam kerjaya tersebut?

CNI : Seperti yang saya sebut tadi, saya daripada kecil sampai sekarang saya memang ada satu *je* (sahaja) cita-cita. Dan saya memang berusaha untuk menjadi guru. Bagi saya menjadi guru *ni* (ini) sangat bagus kerana kita dapat membantu para pelajar.

Z : Boleh tuan nyatakan antara cabaran yang dihadapi oleh pihak tuan untuk mendapatkan kejayaan tersebut?

CNI : Antara cabarannya ialah para pelajar *ni* (ini) sebenarnya ada masalah keluarga.

Keluarga mereka ada yang miskin, dan kesedaran terhadap pendidikan pada awal saya mengajar *tu* (itu) memang masih kurang. Jadi mereka tak mengambil berat kalau anak mereka tidak bersekolah. Tapi akhir-akhir *ni* (ini), ada sikap sesetengah pelajar yang susah dikawal oleh keluarga. Ada ibubapa yang datang beritahu anak mereka keluar malam, tak balik. Jadi kita terpaksa pujuk dan setengah *tu* berjaya, setengah *tu* (itu) tidak.

NH : Adakah tuan mempunyai sebarang sebarang perancangan selepas tuan bersara?

CNI : Saya menulis buku

Z : Apakah keistimewaan memilih kerjaya untuk menjadi seorang guru berbanding kerjaya lain?

CNI : Kemungkinan, sebelum itu saya pernah menjadi kerani selama 8-10 bulan, jadi selepas itu saya dapat masuk maktab perguruan dan saya letak jawatan kerani *tu* (itu). Jadi, saya nampak mungkin kalau tidak menjadi guru mungkin saya menjadi kerani.

BAHAGIAN 7: ANUGERAH KERJAYA DAN PENGHARGAAN.

NH : Berdasarkan pengetahuan kami, tuan pernah menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan. Boleh tuan kongsi pada tahun berapakah tuan menerima anugerah tersebut?

CNI : Iya, tokoh guru negeri 2018. Tokoh guru kebangsaan 2019.

NH : Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan merupakan pencapaian yang agak besar, bagaimana perasaan tuan apabila dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan?

CNI : Saya tak rasa apa. Gembira *tu(itu)* gembira juga, bukan tak gembira. Tapi, takdelah bahagia sangat sebab saya biasa kita buat kerja jadi orang beri, kalau saya tak dapat pun takpe. Saya isi borang *tu(itu)*, saya tak tahu saya dapat ke tidak. Jadi saya dipanggil, begitulah. Yang pasti gembira *tu(itu)*, tetap gembira.

NH : Adakah tuan sudah tahu bahawa tuan bakal mendapat anugerah tersebut? apakah anugerah yang diterima termasuk dalam harapan kerjaya tuan?

CNI : Saya tak sangka kalau peringkat kebangsaan *tu (itu)*. kalau peringkat negeri *tu (itu)*, ada sedikit jangkaan sebab saya rasa mungkin lawan lawan saya yang lain *tu (itu)* tak banyak macam saya. Saya rasa itu di peringkat negeri. Tapi peringkat kebangsaan *tu (itu)* saya tak tahu. Yang bertanding ada 14 orang, 14 buah negeri. Kita tak tahu dan tidak meletakkan harapan yang tinggi.

NH : Di manakah majlis penganugerahan itu diadakan?

CNI : Ya, yang peringkat kebangsaan di Pulau Pinang. Negeri, dekat Kuala Terengganu

NH : Apakah kriteria yang perlu ada untuk mendapatkan gelaran tokoh tersebut?

CNI : Satu, untuk dapat anugerah *ni*(ini) susah untuk bagi tahu kriteria dia. Macam *ni*

(ini)je, kita kalau buat kerja, untuk dapatkan sesuatu, kita akan kecewa sangat kalau kita tak dapat. Buat kerja kena ikhlas dan bersemangat

NH : Apakah kesan ataupun perbezaan yang dapat tuan rasai apabila mendapat anugerah tersebut?

CNI : Saya cikgu biasa, jadi macam biasa jelah.

NH : Apakah sumbangan yang diberikan oleh tuan sehingga dapat merangkul Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan?

CNI : Saya rasa takde apa. Ada kawan kawan yang ucap tahniah dan sebagainya

NH : Apakah sumbangan lain yang diberikan oleh tuan untuk membantu para pelajar dalam pelajaran mereka?

CNI : Di sekolah dulu, selain saya mengajar, saya cuba untuk mendidik pelajar *ni*(ini)

supaya yang saya nampak yang ada bakat untuk jadi penulis. Tapi kita cuba didik mereka, belajar menulis dan banyak juga pelajar yang dapat biasiswa Tetapi selepas

kita tinggal *tu* (itu), tak ramai yang meneruskannya.

NH : Apakah cabaran yang dihadapi untuk menerbitkan sebuah buku?

CNI : Untuk terbit buku memang banyak cabaran, yang pertama kita kena tengok dari segi bahan. Kemudian, macam mana kita nak sampaikan perkara itu, maklumat, atau perubahan itu, kepada pelajar supaya mereka memahami perkara yang disampaikan. Jadi kita kena memikirkan susunan ayat yang mudah pendekatannya

NH : Selepas bersara, adakah tuan melakukan kerja lain atau tuan memilih untuk berehat?

CNI : Saya menjadi penceramah.

NH : Apakah perasaan tuan sepanjang menjadi penceramah selepas bersara?

CNI : Apabila pelajar memberitahu yang dia faham, perasaan saya puas apabila dapat membantu pelajar dan kita nampak air mata pelajar *tu*(itu), dia memang faham, dan kita rasa seronok

BAHAGIAN 8 :SUMBANGAN DAN HARAPAN

NH : Beralih soalan kepada sumbangan dan harapan pula, bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit tentang sumbangan tuan sepanjang di dalam bidang pendidikan?

CNI : Antara sumbangan saya ialah saya telah menerbitkan lebih dari 40 buah buku untuk

digunakan sebagai rujukan bagi pelajar spm dan stpm.

NH : Sepanjang tuan berkhidmat sebagai pendidik, pernahkah tuan memberi sumbangan sehingga ke peringkat antara bangsa?

CNI : *Iya*(betul), ada juga lah. Satu, saya mendapat kerja dan gaji di Shah Alam pada tahun 2000. Yang kedua, saya banyak menulis majalah majalah tentang penulisan bahasa dan saya dapati bahan itu dikongsi oleh para pelajar di peringkat antara bangsa iaitu para pelajar di luar negara yang ambil kursus bahasa melayu.

NH : Boleh tuan kongsi kepada kami antara harapan tuan kepada generasi muda zaman sekarang yang berkecimpung di dalam bidang pendidikan

CNI : Pada guru-guru muda, yang pertama saya rasa walaupun pada peringkat awal *tu*(itu) tidak berminat, kalau kita *ni*(ini) terpilih atau berjaya masuk ke bidang perguruan, yang pertama kita mesti belajar dari segi kandungan ataupun bahan. Contohnya, baca buku, hadiri seminar atau rujuk daripada internet untuk kita menguasai ilmu itu. Kita kena mencari cara untuk menyampaikan kan bahan itu kepada pelajar supaya pelajar mudah memahaminya kerana apabila pelajar mula memahaminya, dia akan berasa seronok dan berminat untuk belajar.

NH : Adakah terdapatnya impian tuan yang tuan harapkan oleh belia masa kini?

CNI : Saya tengok sekarang *ni*(ini) belia atau orang muda *ni* kurang membaca. Apabila saya tengok kadar orang beli surat khabar, terkejut saya. 80% dah kadar kurang orang

membeli surat khabar sekarang. Membaca *ni*(ini) salah satu ciri negara maju. Jadi bagi saya, kalau kita tak membaca macam mana kita nak jadi negara yang maju.

NH : Apakah harapan tuan bagi menaik taraf sesi pendidikan pada masa kini?

CNI : Saya rasa ada dua. Yang pertama, untuk membantu guru guru *ni*(ini) supaya seronok mengajar kementerian harus memberi penekanan kepada training semula untuk memberi peluang mereka menambah ilmu pengetahuan. Dan yang kedua, untuk mencadangkan penambahbaikan untuk mengajar.

NH : Apakah antara harapan tuan bagi memastikan masyarakat sedar akan kepentingan pendidikan?

CNI : Saya fikir masyarakat sekarang *ni*(ini) adakah mereka tahu taraf pendidikan *ni* penting? Ada segelintir yang tahu perlunya untuk belajar, tetapi untuk mengambil berat tentang pelajaran anak-anak *tu*(itu) susah. Anak-anak sekarang sibuk untuk bermain telefon. Jadi, untuk disiplin kan diri itu penting. Kalau boleh bertindak daripada awal *tu*(itu) lagi bagus.

NH : Adakah ibubapa memainkan peranan penting bagi pendidikan awal kanak-kanak?

CNI : *Iya*(betul), ibubapa memang memainkan penting terutamanya ibu. Daripada dalam kandungan lagi ibu boleh memberikan pendidikan kepada anak anak.

Dengan ini tamat lah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Cikgu Nawi Ismail, sepanjang berkhidmat sebagai pendidik selama 37 tahun. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

RUJUKAN

Bakar, Norashikin Abu. "Hubungan Kepimpinan Guru Dengan Pencapaian Akademik

Pelajar:"[Http://Www.injet.upm.edu.my/www.injet.upm.edu.my/images/journal/issue2/Hubungan%20Kepimpinan%20Guru%20dengan%20Pencapaian%20Akademik%20Pelajar.pdf](http://www.injet.upm.edu.my/www.injet.upm.edu.my/images/journal/issue2/Hubungan%20Kepimpinan%20Guru%20dengan%20Pencapaian%20Akademik%20Pelajar.pdf).

Cikgu Nawi diumumkan Tokoh Guru Kebangsaan, Dato' Asariah Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan. (16 Mei, 2019). Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia: <https://www.moe.gov.my/en/menumedia/electronic-media/news-and-activities/tokoh-guru-tokoh-kepimpinan-2019>

Muhamad, H. A. (2 Mei, 2018). *Saya cuma tahu nak jadi cikgu - Nawi Ismail.* Retrieved from BH Online:

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/05/420018/saya-cuma-tahu-nak-jadi-cikgu-nawi-ismail>.

Miftah, Nurul. *Pentingnya Pendidikan Karakter Pada Anak Sekolah dasar di*

Zaman Serba Digital. (2019). Bahagian perangan pendidikan. 1-16.

Niza, H. (n.d.). *Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional.* Retrieved from

https://www.academia.edu/1803174/Sistem_Pendidikan_di_Malaysia_Dasar_Cabaran_dan_Pelaksanaan_ke_Arah_Perpaduan_Nasional.

Obsan, Ali, *Pendidikan awalkanak-kanak.* (2017). Pusat Penyelidikan Perkembangan

Kanak-kanak Negara .25-30.

Sualman, D. (2019, January 27). *Kualiti pendidikan Malaysia antara terbaik di dunia.*

Retrieved from

<https://www.sinarharian.com.my/article/9910/KOLUMNIS/Pendidikan-Malaysia>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
1.16	Menceritakan tentang latar Belakang Beliau	<ul style="list-style-type: none">• SK Kampung Gemuroh• SMK Padang Midin
9.00	Menceritakan tentang bagaimana beliau boleh tertarik untuk Menjadi Seorang guru.	
16.00	Menceritakan adakah beliau masih ingat siapa pensyarah yang mengajar Beliau semasa berada di University.	<ul style="list-style-type: none">• Prof Dr Hamid Mahmud• Encik Tahar Kadir• Puan Halimah Hassan

28.20	Berkongsi pengalaman betapa Seronoknya beliau sepanjang menjadi pendidikan dan pada masa yang sama berkongsi tentang pengalaman pahit dan manis sepanjang mengajar,	
BAHAGIAN 2: KERJAYA		
0.00	Selepas bersara beliau meneruskan hobi beliau untuk menulis buku dan manual bagi membantu guru-guru dan pelajar dalam pendidikan.	

DIARY KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
-1.08-5.35ptg	(Ahad) 22November 2020	Panggilan pertama bersama tokoh bagi bertujuan untuk temubual	Catatan awal dilaksanakan untuk proses pembentukan soalan.
-2.08 Ptg	(Isnin) 23 November 2020	<u>Tokoh menerima untuk sesi temubual.</u>	Pengesahan tokoh bagi sesi Temubual dan menyenarai kan beliau sebagai tokoh kami yang bakal kami temubual.
-3.00 Ptg		Perbincangan bagaimana sesi temubual akan dijalankan iaitu dengan menggunakan online platform sebagai platform utama untuk sesi temubual ini	Memuat Turun aplikasi google meet di dalam laptop supaya sesi temu ramah dapat dijalankan dengan baik.
-3.15Ptg		Tokoh memutuskan untuk menggunakan <u>google meet</u> sebagai sesi temubual. Tokoh meminta untuk menghantar soalan temubual secepat mungkin.	Memberi tahu tokoh kami yang soalan temubual akan dihantar selepas soalan tersebut telah disahkan oleh pensyarah kami.
-7.57 Pagi		<u>Pengesahan dan penghantaran soalan temu</u>	Menghantar soalan temubual yang telah disahkan.

<p>-9.04 Pagi</p>	<p>(Selasa) 12 January 2021</p>	<p><u>bual kepada tokoh.</u></p> <p>Tokoh menerima soalan temu bual.</p> <p>Sesi pengesahan tarikh temubual bersama tokoh. <u>Cikgu Nawi bersetuju sesi temubual akan dijalankan pada 14 Januari bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 4.00petang.</u></p>	<p>Mencatatkan Tarikh tersebut sebagai tarikh penting, supaya tidak berlakunya tindihanmasa antara kelas dan sesi temubual.</p> <p>Menyerahkan surat perjanjian lisan kepada beliau.</p>
<p>-9.00 Pagi</p>	<p>(Rabu) 13 January 2021</p>	<p>Menanyakan keadaan tokoh Dan adakah sesi temu duga esok akan berlangsung seperti yang ditetapkan tanpa berlakunya sebarang kekangan yang tidak diingini.</p> <p>Tokoh berkata semua dalam keadaan baik dan temu bual esok akan dijalankan seperti biasa dan mengikut masa dan waktu yang telah ditetapkan.</p>	<p>Menyediakan document dan memastikan segala peralatan dalam keadaan baik sebelum sesi temubual dijalankan.</p>

-11.04pagi	(Khamis) 14 January 2021	Menunggu respons beliau tentang sesi temu bual yang akan di langsung kan pada petang ini adakah di rumah beliau hujan, ini kerana beliau pernah memberitahu yang beliau akan menghadapi kekangan internet bila berlakunya hujan.	
-4.00Ptg		Menghantar link google meet kepada beliau.	Menunggu kehadiran beliau dalam google meet.
-4.09Ptg		Kehadiran beliau di dalam google meet bagi sesi temubual.	Mengalu-gaulkan kehadiran beliau Di dalam google meet.
-4.12 Ptg		Tokoh membetulkan mikrofon dan menyelaraskan internet supaya tiada berlakunya kekangan internet sepanjang temubual dijalankan.	Menyemak soalan temu ramah Sementara menunggu beliau bersiap sedia untuk sesi temu ramah.
-4.35 Ptg		Sesi temu-ramah dimulakan.	Mencatat maklumat penting semasa sesi tersebut.

-5.30 Ptg		Sesi temuramah selesai	Mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau kerana sudi menerima tawaran kami.
-5.31 Ptg		Beliau berkata yang surat perjanjian lisan akan segera dihantar selepas sesi ini selesai.	Bersiap sedia untuk mengigatakan beliau sekiranya beliau lupa untuk menghantar surat tersebut.
-5.35 Ptg	(Isnin) 25 January 2021	Beliau mengantar surat perjanjian lisan melalui telegram.	Mengucapkan terima kasih kepada beliau.

Senarai Soalan

Bahagian 1: Latar belakang

1. Boleh tuan nyatakan nama penuh tuan?
2. Kalau boleh kami tahu tuan berasal dari mana?
3. Adakah tuan mempunyai nama gelaran?
4. Boleh kami tahu berapa umur tuan sekarang?
5. Boleh kami tahu, bilakah tarikh lahir tuan?
6. Dimanakah tempat tuan dilahirkan?
7. Dimanakah tuan tinggal sekarang?
8. Sebelum ini dimanakah tempat lain yang pernah tuan tinggal?
9. Boleh kami tahu adakah adakah status tuan sekarang?
10. Boleh Tuan kongsi pada kami pada usia berapakah tuan mula mengajar?
11. Boleh kami tahu sebelum ini tuan pernah belajar di mana?
12. Adakah aktiviti yang tuan suka lakukan apabila di waktu lapang?
13. Kalau boleh kami tahu pada usia berapakah tuan berkahwin?
14. Boleh kami tahu Tuan mempunyai berapakah bilangan cahaya mata?
15. Boleh tuan kongsi nama pasangan dan anak-anak?
16. Siapakah idola tuan? adakah sebab memilih beliau?

Bahagian 2: Sejarah Pendidikan

17. Di manakah tuan menerima pendidikan awal kanak-kanak?
18. Boleh tuan ceritakan pada tahun berapa tuan bersekolah rendah dan di manakah tuan bersekolah rendah?
19. Pada tahun berapa tuan mula memasuki sekolah menengah? Adakah sekolah tuan berhampiran dengan rumah atau pun tuan tinggal di asrama?
20. Boleh tuan ceritakan di manakah tuan penyambung pengajian setelah tamat persekolahan?

21. Apakah kursus pilihan tuan ketika itu? Dan adakah tuan menyambung pengajian dengan kursus yang dipilih atau menerima tawaran kursus selain daripada pilihan tuan?
22. Berapa tahunkah masa yang diambil untuk menghabiskan pengajian tuan dengan kursus yang diambil?
23. Adakah tuan pernah melibatkan diri dengan kursus-kursus profesional lain semasa berada di universiti atau pun selepas tamat pengajian?

Bahagian 3: Sejarah/pengalaman di dalam bidang pendidikan

24. Bagai manakah Tuan mula menceburi bidang pendidikan? Adakah kerana minat?
25. Apa yang menyebabkan Tuan membuat keputusan untuk menjadi seorang pendidik?
26. Adakah Tuan mempunyaai pengalaman pembelajaran di ITM/Uitm?
27. Boleh tuan ceritakan bagaimana suasana pembelajaran pada masa tersebut?
(Bangunan dan kemudahan ketika itu)
28. Adakah terdapatnya kemudahan seperti (Kantin, gerai, kafe, makmal ,perpustakaan, rekreasi dsb)
29. Adakah tuan mendapat kemudahan penempatan semasa menjalani pengajian di sana?(seperti kolej ataupun tuan penempatan di asrama)
30. Adakah tuan masih ingat siapakah ketua kajian pada masa itu?
31. Adakah tuan masih ingat siapakah kawan rapat tuan semasa tuan menuntut ilmu di situ?
32. Adakah tuan masih ingat siapakah staf pentadbiran pada masa tersebut?
33. kalau boleh saya tahu apakah persepsi rakan-rakan dan keluarga apabila tuan memilih untuk menjadi seorang pendidik?
34. Keunikan kajian/fakulti/kursus. Apakah keunikan khusus pada masa tersebut yang mendorong tuan dalam bidang tersebut?
35. Apakah pengetahuan yang mendorong kejayaan Tuan semasa di UiTM atau di kampus?
36. Apakah tuan masih ingat bilangan kursus yang ditawarkan?

37. Sebelum memohon kursus sebagai pendidikan kursus apa lagi yang turut ditawarkan kepada tuan?
38. Apakah tuan masih ingat antara kursus-kursus yang pernah ditawarkan?
39. Antara kursus-kursus tersebut kursus yang manakah tuan rasa agak mencabar untuk diceburi?
40. Apakah antara peristiwa yang tidak boleh dilupakan (mengenai kursus/subjek)?
41. Hubungan industri ketika itu?
42. Kursus/subjek apakah yang paling tuan suka ?

Bahagian 4: Tenaga Pengajar

43. Apakah tuan masih ingat berapakah bilangan tenaga pengajar yang ada pada masa itu?
44. Boleh tuan nyatakan nama-nama mereka?
45. Apakah pengalaman bersama mereka yang masih lagi diingat sehingga kini?
46. Siapakah pensyarah yang menjadi kegemaran ketika itu? Kalau boleh saya tahu mengapa?
47. Sepanjang tuan menuntut di sana adakah tuan pernah mempunyai pensyarah yang mengeruhkan?
48. Boleh tuan nyatakan antara kaedah pengajaran dan pembelajaran pada masa tersebut?
49. Adakah terdapatnya kemudahan seperti kini semasa tuan belajar?
50. Kalau boleh saya tahu adakah terdapat banyak perbezaan sesi pembelajaran dari masa dulu dari kini?
51. Adakah tuan rasa tenaga pengajar pada zaman tuan mencukupi untuk menampung bilangan pelajar?

Bahagian 5:Kemudahan kolej dan universiti yang digunakan sepanjang menuntut ilmu.

52. Sepanjang menuntut di sana adakah tuan mendapat kemudahan kolej kediaman ataupun tuan menetap di rumah sewa?
53. Berapa yuran kolej atau asrama pada masa itu?
54. Adakah pihak kolej atau asrama menyediakan makanan secara percuma pada masa tersebut?
55. Apakah antara kemudahan yang terdapat di kolej atau asrama yang tuan diami semasa belajar?
56. Adakah kemudahan kolej pada zaman tuan sama dengan sekarang?
57. Berapa banyak perpustakaan di ITM/UiTM pada ketika itu?
58. Perpustakaan yang kerap dikunjungi pelajar-pelajar kajian ketika itu?
59. Adakah tuan kerap mengunjungi perpustakaan pada masa itu?
60. Siapa ketua pustakawan dan pustakawan ketika itu?
61. Bagaimana koleksi di perpustakaan ketika itu?
62. Pernah melawat perpustakaan selain di UiTM?
63. Berapa bilangan perpustakaan di Malaysia yang pernah kunjungi?
64. Boleh tuan terangkan mengenai perkembangan/sejarah perpustakaan di Malaysia?

Bahagian 6: Pengalaman kerjaya

65. Adakah terdapat kemudahan pendidikan seperti PTPTN pada masa tersebut?
66. Tunggak sejarah kerjaya yang diceburi?
67. Semasa tuan menuntut ilmu, adakah tuan aktif menyertai kelab atau mana-mana organisasi?
68. Apakah jawatan yang tuan di galas pada masa tersebut?
69. Kerjaya pertama setelah tamat pengajian ?(berkaitan atau tidak dengan bidang pengajian)
70. Selepas selesainya pengajian adakah tuan menjalani sesi praktikal?

71. Bagaimana mendapat pekerjaan tersebut?
72. Apakah antara galakan yang tuan dapat semasa tersebut? (dorongan)
73. Bagaimana boleh menceburkan diri dalam kerjaya tersebut?
74. Tugasan yang di galas oleh tuan pada masa tersebut?
75. Adakah tuan masih ingat siapakah ketua jabatan ketika itu?
76. Adakah tuan masih ingat nama rakan-rakan sekerja tuan pada ketika itu?
77. Boleh tuan nyatakan antara kejayaan yang telah dicapai pada ketika itu?
78. Boleh tuan nyatakan antara cabaran yang dihadapi oleh pihak tuan untuk mendapatkan kejayaan tersebut?
79. Boleh tuan kongsi pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa bekerja?
80. Selain daripada kenangan yang tuan kongsi sebentar tadi, adakah terdapat pengalaman pahit yang memberi pengajaran kepada tuan?
81. Adakah tuan mempunyai sebarang perancangan selepas tuan bersara?
82. Apakah keistimewaan memilih kerjaya untuk menjadi guru berbanding kerjaya lain?
83. Jika Tuan tidak menjadi guru, apakah pekerjaan tuan sekarang?

Bahagian 7: Anugerah Kerjaya dan penghargaan


84. Berdasarkan pengetahuan kami, tuan pernah menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan. Boleh tuan kongsi pada tahun berapakah tuan menerima anugerah tersebut?
85. Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan merupakan pencapaian yang agak besar, bagaimana perasaan tuan apabila dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan?
86. Adakah tuan sudah tahu bahawa tuan bakal mendapat anugerah tersebut? Apakah anugerah yang diterima termasuk dalam senarai harapan kerjaya tuan?
87. Di manakah majlis penganugerahan itu diadakan?
88. Apakah kriteria yang perlu ada untuk mendapatkan gelaran tokoh tersebut?
89. Apakah kesan ataupun perbezaan yang dapat Tuan rasai apabila mendapat anugerah tersebut?
90. Apakah sumbangan yang diberikan oleh tuan sehingga dapat merangkul anugerah tokoh guru kebangsaan?

91. Bagai manakah pengalaman tuan semasa bergelar seorang tokoh guru?
92. Apakah sumbangan lain yang diberikan tuan untuk membantu para pelajar dalam pelajaran mereka?
93. Berapakah bilangan buku yang telah tuan keluarkan bagi membantu pelajar dalam bidang pendidikan?
94. Apakah cabaran yang dihadapi untuk menerbitkan sebuah buku?
95. Selepas bersara, adakah tuan melakukan kerja lain atau tuan memilih untuk berehat?
96. Apakah perasaan tuan sepanjang menjadi penceramah selepas bersara.

Bahagian 8: Sumbangan dan Harapan


97. Beralih soalan kepada sumbangan dan harapan pula, bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit tentang sumbangan tuan sepanjang di dalam bidang pendidikan?
98. Sepanjang tuan berkhidmat sebagai pendidik, pernahkah tuan memberi sumbangan sehingga ke peringkat antara bangsa?
99. Boleh tuan nyatakan antara harapan tuan kepada pelajar dan masyarakat?
sebagai contohnya dalam bidang kurikulum, sahsiah dan pembangunan kerjaya.
100. Boleh tuan kongsi kepada kami antara harapan Tuan kepada generasi muda zaman sekarang yang berkecimpung di dalam bidang pendidikan ?
101. Adakah terdapatnya impian tuan yang masih belum tercapai sepanjang tuan bergelar seorang guru?
102. Boleh tuan nyatakan apakah yang tuan harapkan oleh belia masa kini?
103. Apakah harapan tuan bagi menaik taraf kan sesi pendidikan pada masa kini?
104. Apakah antara harapan tuan bagi memastikan masyarakat sedar akan kepentingan pendidikan?
105. Adakah ibu bapa memainkan peranan penting bagi pendidikan awal kanak-kanak?


LAMPIRAN 1


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Akhy Nawi bin Ismail K/P: 576329-11-5707 pada
..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan teks dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemat oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.



.....
(Nama tokoh Nawi Ismail)
Tarikh:


.....
(Nama pensyarah: Nurulnissa Binti Abdullah)
b.p. Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Gambar 1: Surat perjanjian Lisan mengenai Projek sejarah lisan.

LAMPIRAN 2

www.uitm.edu.my

 UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Kelantan
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)
Tarikh : 16 November 2020

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
KELANTAN**

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	NOR HASLINA BINTI YASIN	2019455474
2	ZURAINI BINTI ROSLI	2018683054


Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT (IM245)** bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi **NOR HASLINA BINTI YASIN** di talian 019-2916373.


3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar


RUSLINDA RAZAK
Penolong Pendaftar Kanan
b.p Timbalan Rektor HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)976 2156
Email : trhwakhe@kelantan.uitm.edu.my



Gambar 2: Surat pengesahan Project Pelajar.

INDEX

INDEKS

A

Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 16,17,
35

Anugerah Tokoh Guru Peringkat 12
Negeri Terengganu

C

Cikgu 17,15,16,21,22

Cemerlang 2,4,5,23,24

K

Kajian 14,23,24

Keperibadian 1,20,24

P

Pengalaman 1,10,24

Penelitian 38

Pendidikan 1,14,15

Penerima

S

Sekolah 1,4,5,6,7

Semangat 13,14,15

Strategic 15

T

Tokoh 1,16,21,23,27,28,29,35,36

Temubual 1,21,25,26,27

Tuan 1,12,14,24,25